

BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN

ISU-ISU DAN CABARAN KRITIKAL

Perubahan persekitaran yang didorong oleh faktor luaran dan dalaman MDGM memberi kesan langsung kepada harapan umum tentang peranan dan fungsi MDGM.

Sumber Kewangan yang Terhad.

Kewangan MDGM diperolehi daripada geran keseimbangan dan pungutan hasil cukai daripada pelanggan tanpa bantuan khusus daripada kerajaan Pusat. Sumber kewangan yang terhad membataskan MDGM dalam usaha menyediakan kemudahan perbandaran yang sempurna kepada pelanggan.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

ICT berupaya merubah cara kita bekerja dan pelanggan berurusan. ICT juga membolehkan perkhidmatan disediakan melalui pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. ICT merupakan landasan strategik bagi proses penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah pencapaian matlamat One Government Many Agencies. Penguasaan ICT yang rendah dikalangan kakitangan dan pelanggan menyebabkan penyampaian maklumat dan perkhidmatan tidak dapat disampaikan dengan jelas, cekap dan berkesan.

Kutipan Hasil yang Rendah

Boleh dikatakan semua majlis mengalami masalah dalam kutipan hasil. Ini disebabkan oleh tindakan penguatkuasaan yang lemah dan sistem kutipan hasil yang ketinggalan serta tidak mengikut apa yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan sikap masyarakat yang mana tidak bertanggungjawab dalam menjelaskan cukai dan sebagainya yang dikenakan ke atas dirinya.

Motivasi yang Rendah Di Kalangan Kakitangan

Kesedaran sivik dan nilai-nilai murni yang rendah dikalangan kakitangan disebabkan oleh peluang kenaikan pangkat dan skim perjawatan tertutup.

Tadbir Urus

Tadbir urus yang mantap merupakan asas kepada jentera pentadbiran yang kukuh dan berintegriti. Pelan Integriti Nasional (PIN) telah menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi pelaksanaan tadbir urus yang baik. Ia memberi penekanan kepada pengalaman sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan bagi menutup ruang dan peluang untuk penyelewengan dan salahguna kuasa dikalangan kakitangan.

Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian

Pelanggan sentiasa menuntut tahap perkhidmatan perbandaran yang lebih cekap, cepat dan responsif. Mereka mengharapkan perkhidmatan disediakan dengan lebih mudah tanpa mereka mengunjungi agensi. Pelaksanaan pendekatan satu pendekatan, satu penyampaian membolehkan agensi memenuhi tuntutan dan harapan pelanggan.

ANALISIS

KEKUATAN

Kerjasama yang tinggi

Nilai-nilai Islam

Semangat kekitaan yang tinggi

Penguasaan kemahiran dan pengetahuan kerja

Kemampuan untuk menjalankan tugas-tugas yang pelbagai

Persefahaman antara ahli-ahli Majlis dan pihak Pengurusan

KELEMAHAN

Tidak mempunyai pelan strategik

Motivasi yang rendah

Sumber kewangan terhad

Bilangan kakitangan mahir yang kurang

Peralatan dan kelengkapan kerja yang tidak mencukupi

Peluang kenaikan pangkat terhad

Jawatan pengurusan tertinggi yang kurang

ANALISIS

KELEMAHAN

Proses kerja dan perundangan yang lapuk

Tunggakan hasil yang tinggi

Penguatkuasaan yang lemah

Kemahiran dan kelengkapan ICT yang kurang

Perjawatan yang terhad

Tahap pengetahuan ahli Majlis yang rendah

ANALISIS

PELUANG

Kaya dengan sumber semulajadi

Semangat berdikari yang tinggi di kalangan masyarakat

Kestabilan politik Negeri

Tahap pendidikan masyarakat yang tinggi

Kerjasama erat antara jabatan-jabatan

Kerjasama masyarakat

Tahap pengetahuan agama yang tinggi

Kuasa beli yang tinggi

Majoriti penduduk Islam

ANCAMAN

Perbezaan politik antara pihak

Persekutuan dan Negeri

Kesedaran orang ramai berhubung dengan tanggungjawab membayar cukai

Krisis ekonomi dunia

Kekurangan pelabur asing

Jurang penggunaan ICT yang tinggi antara penduduk bandar dan desa

Sikap masyarakat